

28 AUG 1997

Mahathir-Mufti

KERAJAAN TIDAK BERNIAT KUASAI MUFTI

Oleh: Azman Hashim

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan tidak berniat menguasai atau mengawal kegiatan mufti di negara ini tetapi pada masa yang sama tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana mufti yang membuat fitnah atau menyalahgunakan kuasa.

Perdana Menteri berkata, walaupun jawatan mufti yang diwujudkan selepas Nabi Muhammad S.A.W wafat adalah untuk mengeluarkan fatwa bagi mengelakkan terlalu ramai orang berbuat demikian sehingga mengelirukan umat Islam, fatwa yang hendak dikeluarkan perlu mengikut prosidur yang telah ditetapkan sejak zaman itu lagi.

"Kita bagi kuasa kepada mufti untuk menentukan tidak ada orang lain membuat fatwa tetapi kuasa mufti bukan sewenang-wenang boleh digunakannya untuk membuat fatwa yang tidak melalui proses prosidur.

"Tetapi nampaknya ada mufti-mufti yang pergi ke sana sini membuat syarahan. Satu mufti umpamanya lebih mirip kepada politik dan membuat syarahan anti-kerajaan," katanya ketika ditanya Bernama selepas rakaman perutusannya sempena Hari Kebangsaan yang ke-40 di Angkasapuri, di sini.

Sambil menganggap mufti yang digaji kerajaan itu telah menyalahgunakan kuasa untuk memberi syarahan anti-kerajaan, Dr Mahathir berkata terdapat juga mufti yang membuat fitnah mengenai pendekatan sederhana yang diambil kerajaan dalam melaksanakan undang-undang syariah di negara ini.

"Ada mufti yang berkata kononnya makna sederhana yang dimaksud oleh kerajaan (ialah) kita sembahyang tiga kali sehari. Siapa yang kata. Cara ini fitnah.

"Kalau mufti pun membuat fitnah, kita akan mengambil tindakan terhadap mufti yang melempar fitnah. Mufti yang melanggar ajaran Islam (membuat fitnah) sudah tidak lagi layak untuk jadi mufti," katanya.

Pada persidangan berita selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno awal bulan ini, Dr Mahathir berkata kerajaan telah membuat keputusan untuk mengkaji semula cara pelaksanaan undang-undang syariah di negara ini, termasuk mengkaji semula peranan dan bidang kuasa mufti serta pegawai-pegawai agama.

Bagaimanapun kenyataan Perdana Menteri itu telah disifatkan oleh kalangan pemimpin Pas, melalui akhbar tabloid miliknya, Harakah, sebagai usaha kerajaan untuk menguasai kegiatan mufti-mufti di negara ini.

Dalam keluaran terbaru Harakah pula, Presiden Pas Haji Fadzil Noor telah mencadangkan supaya kerajaan melantik golongan "bisu" sebagai mufti agar mufti yang dilantik itu tidak boleh membuat apa-apa kenyataan bagi menegur kerajaan.

Dr Mahathir berkata, sebagai manusia biasa, para pemimpin kerajaan sentiasa bersedia menerima teguran daripada mana-mana mufti yang melaksanakan tanggungjawab mereka mengikut proses prosidur.

"Mufti yang menjalankan tugasnya dengan baik tidak ada halangan. Tetapi mufti pun manusia biasa dan tidak bermakna dia maksum daripada segi undang-undang.

"Kalau dia buat salah maka kita mesti tegurnya dan kita mengambil tindakan terhadap mufti yang buat salah," katanya.

Dr Mahathir berkata, tujuan kerajaan menegur mufti-mufti yang sering membuat pelbagai kenyataan adalah bagi memastikan supaya umat Islam tidak dikelirukan oleh pendapat seseorang mufti mengenai sesuatu perkara dengan fatwa sebenar berhubung perkara itu.

"Kalau mufti ditanya berkenaan dengan sesuatu maka dia memberi jawapan, itu bukan fatwa. Tetapi banyak orang menganggap itu sebagai fatwa. Fatwa mestilah melalui proses pertimbangan, pertanyaan kepada pakar-pakar dan kelulusan oleh pihak yang sebenarnya berkuasa dengan perkara-perkara agama," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan juga terpaksa menegur sesetengah mufti kerana perbuatan mereka memberikan pendapat, tanpa merujuk kepada pakar-pakar, mengenai sesuatu perkara yang bukan bidang kepakaran masing-masing tetapi pendapat mereka itu telah dianggap sebagai fatwa.

"Umpamanya berkenaan dengan kesihatan. Mufti tidak mempunyai pengetahuan tentang kesihatan. Dia mesti rujuk kepada pakar kesihatan.

"Jadi masalah yang kita hadapi sekarang ialah tanpa rujukan kepada sesiapa, apabila disoal, dia bercakap seolah-olah dia berfatwa. Dan ini kita kena tegur. Kalau kita tidak tegur, kita bersalah," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau akan membangkitkan soal mengeluarkan fatwa dan peranan mufti dalam pertemuannya dengan mereka pada 2 Sept ini.

"Kita akan beritahu (mufti) kerana kita nak jaga kesejahteraan hidup umat Islam agar mereka tidak dikelirukan oleh mufti yang mempunyai kepentingan politik. Yang ini jadi masalah," katanya. -- BERNAMA

AH NMO